



Dasar ICT Versi 2.0

SEKSYEN 5 - PENGURUSAN PROJEK ICT

Merujuk kepada Garis
Panduan Pengurusan
Projek ICT Bil 2/2020

PENGENALAN

Menerangkan tentang proses dalam pengurusan projek ICT yang merangkumi fasa permulaan sehingga penamatan projek. Ianya bagi memastikan pelaksanaan pengurusan projek ICT di seluruh UiTM adalah mengikut perancangan dan Garis Panduan Pengurusan ICT UiTM.

DEFINISI PROJEK ICT

Projek ICT ialah projek pengkomputeran yang melibatkan salah satu atau gabungan kategori projek ICT seperti berikut:

- Pembangunan Sistem dan Aplikasi - pembangunan sistem dan aplikasi menggunakan perisian/ *customization*/ integrasi dan sebagainya;
- Peningkatan Persekitaran ICT - mempertingkatkan atau menaik taraf keupayaan, perubahan dan/ atau pertambahan skop/ tempoh, *change request* (CR) persekitaran ICT;
- Perluasan Persekitaran ICT - memperkembangkan pelaksanaan dari lokasi sedia ada ke lokasi-lokasi lain atau dengan menambah bilangan pengguna di lokasi yang sama;
- Kajian ICT - projek yang memberi fokus kepada kajian yang menggalakkan inovasi dan berpotensi untuk dilaksanakan serta dapat meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan universiti;
- Perancangan Strategik ICT - pendekatan pengurusan untuk menambahbaik proses seperti penggubalan strategi, polisi, garis panduan, rangka kerja dan sebagainya; dan
- Perolehan Infrastruktur ICT - semua jenis bekalan perkakasan ICT atau perisian sistem, perisian aplikasi dan lesen perisian (pembelian dan pembaharuan).

KAEDAH PELAKSANAAN PROJEK ICT

- *In-sourcing* - Pelaksanaan projek ICT yang menggunakan sumber manusia dan kepakaran dalaman.
- *Out-sourcing* - Pelaksanaan projek ICT yang menggunakan perkhidmatan luar sepenuhnya.
- *Co-sourcing* - Pelaksanaan projek ICT yang dilakukan secara bersama menggunakan kepakaran dalaman dan perkhidmatan luar.

Disediakan oleh:
Jabatan Infostruktur

SCAN UNTUK
DOKUMEN
DASAR ICT
VERSI 2.0



PERINGKAT PENGURUSAN PROJEK ICT

Fasa Permulaan

- Fasa penting kerana pengurus projek perlu jelas akan skop dan objektif projek serta mendapatkan kelulusan untuk melaksana projek.

Fasa Perancangan

- Fasa untuk memperincikan aspek aspek tadbir urus dan struktur organisasi projek, pengurusan dan kawalan projek serta pengurusan perolehan dan kontrak termasuk aktiviti-aktiviti dan serahan-serahan projek serta pelan-pelan yang perlu diwujudkan untuk melaksana dan mengawal projek ICT.

Fasa Pelaksanaan & Kawalan

- Melaksanakan semua aktiviti yang dirancang untuk memastikan semua serahan dilaksana mengikut kos, tempoh dan skop untuk mencapai objektif projek.

Fasa Penamatan

- Setelah semua serahan projek selesai dilaksana, projek boleh ditamatkan. Projek tidak boleh ditamatkan sekiranya isu masih tidak selesai.